

Malay | English | 中文 | عربي |


[TENTANG BERNAMA](#)
[AM](#)
[POLITIK](#)
[EKONOMI](#)
[SUKAN](#)
[RENCANA](#)
[DUNIA](#)
[E-NEWSLETTER](#)

[SENARAI BERITA](#)
[ARKIB BERITA](#)
[TETAPAN OKU](#)
ANDA BERADA DI SINI : [BERNAMA](#) > [BERITA](#)

Carian

 Berita
 Who's Who

Looking For Fast Loan?

Check Our List Of Financial Loan Services At Low Interest Rates!

[88DB.COM](#)

Iklan oleh Google

05 Oktober, 2012 22:04 PM

Beli Berita Ini

Koperasi Malaysia, Singapura Tingkat Hubungan Perdagangan Semasa Ekspedisi

SINGAPURA, 5 Okt (Bernama) -- Koperasi dari Singapura dan Malaysia akan meningkatkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara melalui ekspedisi 'Co-op Wheels Adventure 2012', yang dilepaskan dari sini pagi Jumaat.

Perjalanan melalui jalan raya itu bertujuan mengukuhkan hubungan koperasi antara Singapura dan Malaysia serta bagi membolehkan kerjasama rentas sempadan yang akan memberi manfaat kepada pergerakan koperasi di kedua-dua negara.

Anggota parlimen, Seah Kian Peng, sebagai Penasihat kepada Jawatankuasa Kebangsaan IYC Singapura dan anggota lembaga Perikatan Koperasi Antarabangsa (ICA), melepaskan konvoi Singapura pagi ini.

Ekspedisi tiga hari itu dianjurkan oleh koperasi Singapura - Customs Credit Co-operative Society (S) Ltd, TCC Credit Co-operative Ltd, Singapore Amalgamated Services Co-operative Organisation Ltd, Singapore Government Staff Credit Co-operative Society Ltd dan Citiport Credit Co-operative Ltd.

Co-op Wheels Adventure ini juga menggalakkan perkongsian amalan terbaik antara koperasi Singapura dan Malaysia kerana masing-masing dapat belajar daripada kejayaan satu sama lain.

Disokong oleh Persekutuan Koperasi Kebangsaan Singapura (SNCF), inisiatif ini dianjurkan oleh koperasi, untuk koperasi, dan merupakan sebahagian daripada Program Tahun Antarabangsa Koperasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB IYC) Singapura 2012.

Rombongan yang melibatkan sebuah bas dan 14 kereta, membawa lebih 80 anggota dari 12 koperasi, secara peribadi diketuai oleh Pengerusi SNCF Chan Tee Seng, dan Ketua Pegawai Eksekutif Dolly Goh.

Mereka akan ke Kuala Terengganu di mana mereka akan berjumpa dan mengadakan perangkaian dengan koperasi Malaysia dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), organisasi koperasi kebangsaan Malaysia.

Koperasi Singapura yang menyertai aktiviti ini termasuk Koperasi Kredit Kakitangan Kerajaan Singapura, Koperasi Guru-guru Singapura, Koperasi Pekerja Bank Singapura, Koperasi Kredit Kastam, Koperasi Kredit TCC, Bedok Multi-purpose Co-operative dan Koperasi Kredit Citiport.

Mereka akan bertemu dengan rakan-rakan mereka di Malaysia seperti Noor Arfa Batik Terengganu, Koperasi Niaga Losong, Koperasi Homestay dan banyak lagi.

Inisiatif ini bertujuan memperluaskan kejayaan perkongsian koperasi rentas sempadan.

Presiden Angkasa Prof Datuk Dr Mohd Ali Baharum berkata secara struktur, pergerakan koperasi Malaysia boleh dibahagikan kepada segmen bandar yang kukuh dari segi kewangan dan segmen luar bandar yang terdiri daripada pelbagai jenis koperasi berasaskan pertanian dan nelayan.

"Keperluan masyarakat kami berbeza, jadi koperasi berkembang secara berbeza, juga. Tetapi kami gembira aktiviti ini memberikan kami peluang untuk meningkatkan pemahaman terhadap satu sama lain.

"Peluang untuk bertemu dan berinteraksi dengan pengendali bersama Singapura amat berharga. Kami percaya, memandangkan kedudukan kedua-dua negara yang berdekatan, akan wujud sinergi yang besar yang boleh dimanfaatkan setelah terdapat interaksi berterusan," katanya.

-- BERNAMA

Company Listing Singapore

Instant Access to Company Database Listing. Search Now!

[www.BizNet-Global.com](#)

Iklan oleh Google

Berita-berita Lain

MIPCOM 2012 Di Cannes Bermula Isnin

Polis Temui Semula 90 Peratus Cip Mikro Yang Dilarikan Dalam Rompakan

Betaria FC Isi Slot Terakhir Ke Liga Perdana 2013

Anti-Rasuah Bukan Tugas Eksklusif Kerajaan, Kata Pegawai PBB

ATM Dominasi Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia Ke-88

▼ iklan

Loan Sme

Canon Business Solutions for your Office needs. Explore Now!

[www.canon.com.sg](#)

Live Band Bellydance Fire

Spectacular Live Entertainment. Call 90026104 to book us now!

[www.facebook.com/yourshowpeople](#)

SIM University for Adults

The first and only local University for adult learners. Apply online!

[www.unisim.edu.sg](#)

Iklan oleh Google